

29/09/2002

The Age ulas penangkapan 21 lelaki ahli JI

Munysi

AKHBAR The Age, Melbourne, keluaran 21 September lalu, menyiarkan berita penangkapan 21 lelaki didakwa ahli Jemaah Islamiah di Singapura dengan tajuk menarik: Singapore facts stranger than fiction. Penangkapan itu dibuat menjelang ulang tahun pertama serangan terhadap WTC di New York, 11 September 2001.

MUNSYI: Sedang akhbar di seluruh dunia menantikan berita kemungkinan serangan terbaru terhadap sasaran di Amerika Syarikat, rupa-rupanya pulau kecil Singapura pula membuat gempar.

The Age ketika mengulas berita hangat itu menimbulkan beberapa persoalan menarik. Di sini, Munysi perturunkan sebahagian ulasan penulis akhbar itu Mark Baker.

"Pendedahan kerajaan Singapura mengenai komplot oleh kumpulan fundamentalis Islam tempatan untuk melancarkan satu siri serangan penganas memberi gambaran jauhnya jangkauan al-Qaeda dan betapa ia cergas di Asia Tenggara.

Liputan akhbar di republik itu yang tidak henti-henti turut menggambarkan seolah-olah rantau ini terlepas daripada serangan hebat malah bahayanya belum reda lagi.

Pendedahan itu penuh dengan perkara mustahil dan tanpa menyebut kewujudan sel penganas dan seruan jihad, anggota ghaib dan kod rahsia mereka, pendedahan terbaru oleh Singapura itu jika diterima sekalipun menunjukkan betapa bodoh dan jahilnya kumpulan pengkhianat itu.

(Mungkin semua lelaki Melayu itu tidak berpeluang mengikuti latihan ketenteraan kerana tidak dipanggil menjalani Perkhidmatan Negara wajib sebagaimana belia Cina dan India. Jika tidak sudah tentu mereka bijak bermain senjata).

Itupun, militan Islam itu didakwa mahu menyerang bangunan Kementerian Pertahanan, Lapangan Terbang Antarabangsa Changi dan kemudahan strategik termasuk saluran paip air dan pangkalan perhubungan.

Kumpulan baru ditangkap itu dikatakan ada hubungan dengan 15 orang ditahan pada Disember tahun lalu. Semuanya kini ditahan selama dua tahun tanpa bicara mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri dan adalah ahli Jemaah Islamiah, pergerakan berpusat di Indonesia.

Siapakah pengkhianat ini? Di kalangan kumpulan itu adalah drebar penghantar barang, pemotong daging, jurujual kereta terpakai dan seorang tukang urut tapak kaki - refleksologi!

Bukti rancangan serangan mereka tidak menampakkan kecekapan dan betapa seriusnya kumpulan itu: beberapa keping gambar bangunan dan saluran paip didakwa hasil operasi pemantauan, dokumen memperincikan struktur organisasi dan buku trengkas dengan ilustrasi latihan ketenteraan. Tidak ada senjata atau satu pun bahan letupan dirampas.

Apa yang paling mustahil, diuar-uarkan oleh akhbar, adalah dakwaan kerajaan Singapura kumpulan itu merangka serangan ke atas Malaysia dengan harapan ia akan menggugat hubungan dua negara itu yang akhirnya mencetuskan keganasan kaum hingga menyebabkan tumbangny pemerintah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad."